

## Ucapan Perasmian

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
Menteri Kanan Kerja Raya  
(dibacakan oleh YB DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP, Timbalan  
Menteri Kerja Raya)  
sempena  
MAJLIS PELANCARAN MALAYSIA CONTRACTOR PORTAL (MCP)  
DAN CONTRACTOR REPORT CRC (CRC)**

**15 Februari 2022**

---

### SALUTASI

Salam Sejahtera Hadirin yang dihormati sekalian.

1. Saya berasa amat sukacita kerana berpeluang bersama untuk hadir ke majlis pelancaran **Portal Kontraktor Malaysia (Malaysia Contractor Portal - MCP) dan Kad Laporan Kontraktor (Contractor Report Card - CRC)**, yang dibangunkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pada hari ini. Saya mewakili Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya, yang tidak dapat hadir kerana beliau menyertai delegasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk lawatan kerja ke Brunei Darul Salam.
  
2. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada agensi-agensi serta pegawai yang terlibat dalam menjayakan MCP dan CRC, terutamanya Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Suruhanjaya Tenaga (ST) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kerana berkerjasama dengan CIDB dalam memudahkan urusan dan proses transaksi kontraktor menerusi satu portal.

Para Hadirin Sekalian,

3. Sektor pembinaan merupakan antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara yang telah mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tinggi dari tahun ke tahun. Di samping giat memulihkan semula ekonomi, Kementerian Kerja Raya (KKR) amat komited untuk terus membantu penggiat industri menambah baik kualiti dan mutu dalam industri pembinaan agar menjadi lebih berdaya saing dan mampu berkembang ke tahap yang lebih tinggi, terutama untuk memperkasa penggiat industri.
4. Kita sedia maklum, pandemik COVID-19 telah mempercepatkan pendigitalan pelbagai industri. Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030) yang telah dilancarkan baru-baru ini juga turut memberi fokus kepada "Digitalasi Sektor Pembinaan". Ia adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Kerja Raya dalam memperkasa konsep infrastruktur lestari dan berkualiti seiring dengan usaha meningkatkan penggunaan teknologi dalam kerja-kerja pembinaan. Adalah penting untuk penggiat industri memastikan industri pembinaan terus berdaya saing dan produktif dengan meningkatkan penerapan teknologi digital.
5. CIDB telah memulakan usaha mendigitalisasikan proses-proses pendaftaran serta transaksi berkaitan kontraktor serta personel binaan sejak bulan Julai 2017 dengan pembangunan sistem *Centralised Information Management System* yang lebih dikenali sebagai CIMS.
6. Melalui sistem ini, pihak kontraktor serta personel binaan tidak lagi perlu hadir secara fizikal ke kaunter-kaunter CIDB di negeri untuk menjalankan sebarang transaksi. Ini bukan sahaja menjimatkan masa malah, menjimatkan kos tol, parkir dan petrol. Melalui sistem CIMS ini, sebanyak 131,121 kontraktor berjaya didaftarkan secara atas talian.

7. Selain CIDB, para kontraktor juga perlu melakukan transaksi dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk tujuan perlesenan, permohonan sijil dan sebagainya. Oleh yang demikian, CIDB melihat keperluan untuk membangunkan sebuah portal yang memberi akses kepada semua agensi yang berkaitan dengan sektor pembinaan. Maka timbulah idea MCP yang menggabungkan akses kepada semua agensi berkaitan di bawah satu platform secara atas talian.
8. Portal MCP yang bakal dilancarkan pada hari ini akan memanfaatkan 131,121 kontraktor yang berdaftar di CIDB termasuk 12,731 kontraktor memegang permit SPAN untuk kerja-kerja berkaitan sistem bekalan air atau pembentungan. Ia juga termasuk 68,868 kontraktor yang memegang sijil taraf bumiputera yang berurusan dengan Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.
9. Oleh itu, Portal MCP ini merupakan salah satu usaha yang amat penting untuk penggiat industri pembinaan Malaysia khususnya bagi para kontraktor selaras dengan inisiatif kerajaan untuk meningkatkan Kemudahan Menjalankan Perniagaan ataupun *Ease of Doing Business* bertepatan dengan Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (2021-2025) yang memerlukan industri pembinaan berubah seiring dengan pembangunan pesat teknologi dan sistem lebih pintar.
10. Menerusi MCP, pihak kontraktor hanya perlu *login* atau daftar masuk di satu portal sahaja untuk mendapat akses kepada semua agensi kerajaan yang berkolabiasi melalui gerbang MCP. Seperti yang telah dimaklumkan PKK, ST dan SPAN telah pun berkolabiasi bersama CIDB di dalam portal ini. Permohonan pendaftaran sijil bagi agensi-agensi yang berkenaan seperti sijil pendaftaran, kompetensi dan kerja-kerja berkaitan lebih mudah dibuat dengan penggunaan MCP ini.
11. Selain memudahkan *single sign on*, MCP juga menyediakan *Contractor Report Card* ataupun CRC. Kad laporan ini akan membolehkan agensi kerajaan untuk membuat carian kontraktor dan mengakses profil kontraktor. CRC menyediakan maklumat terperinci syarikat seperti maklumat pengurusan syarikat, maklumat

kewangan, maklumat sijil-sijil pendaftaran yang diperolehi iaitu PPK (Perakuan Pendaftaran Kontraktor), SPKK (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) dan STB (Sijil Taraf Bumiputera).

12. Selain itu, CRC juga memaparkan maklumat prestasi kontraktor seperti maklumat pengiktirafan sijil-sijil yang diperolehi. Antaranya adalah sijil SCORE (Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor), ISO, Health & Safety dan juga sijil-sijil anugerah syarikat. Di dalam paparan SCORE kontraktor dapat melihat penarafan bintang yang dicapai. Maklumat lain yang dipaparkan termasuklah senarai projek yang diisyihar dan juga rekod tindakan perundangan yang dikenakan ke atas syarikat tersebut.

13. CRC ini adalah penting bagi membolehkan pihak agensi membuat semakan latar belakang sesebuah syarikat kontraktor. Ini akan membantu pihak agensi mengenalpasti kontraktor dan memudahkan proses penilaian dan pemilihan kontraktor yang layak.

14. Oleh itu, saya menggesa semua agensi kerajaan dan juga syarikat swasta untuk berkongsi maklumat prestasi kontraktor atau menjalankan projek mereka kepada CIDB. Maklumat ini akan dimasukkan ke dalam kad laporan kontraktor dan akan membantu agensi lain dalam memilih kontraktor yang layak untuk melaksanakan projek-projek pembinaan milik mereka di masa akan datang.

Para Hadirin sekalian,

15. Sejak pandemik COVID-19, kita dapat melihat sendiri penggunaan teknologi yang meningkat secara mendadak. Pandemik ini secara tidak langsung telah bertindak sebagai pemangkin penerapan teknologi dalam semua sektor industri.

16. Oleh yang demikian saya berharap lebih banyak lagi agensi-agensi kerajaan yang akan tampil untuk menyertai MCP, supaya kita dapat memudahkan lagi urusan transaksi berkaitan kontraktor menggunakan teknologi digital.

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada CIDB yang telah berjaya membangunkan MCP dan CRC ini, serta agensi-agensi kerajaan yang lain yang turut terlibat sebagai organisasi perintis penggunaan MCP ini.
18. Dengan ini, saya dengan penuh sukacita melancarkan *Malaysia Contractor Portal* serta *Contractor Report Card*.

Sekian, terima kasih.